

ARKIB : 03/12/2001

Seminar Keibubapaan - IAB bantu ibu bapa disiplinkan anak-anak

INSTITUT Aminuddin Baki (IAB), Genting Highlands kini mendekati ibu bapa melalui program Seminar Sehari Pendidikan Keibubapaan sebagai usaha mewujudkan masyarakat yang berkualiti.

Program berbentuk seminar sehari yang dimulakan sejak September lalu, lebih merupakan kemahiran keibubapaan bagi membantu ibu bapa menangani masalah anak-anak.

Pengaruhnya, Dr. Wan Chik Rahmah Wan Din berkata, ia berbeza daripada program keibubapaan yang dianjurkan agensi kerajaan atau swasta yang lain.

Ia tidak dibuka secara umum kepada masyarakat tetapi lebih berfokus kepada ahli PIBG di sesuatu zon atau daerah sahaja.

``Kami menggunakan kemudahan yang sedia ada di sekolah iaitu PIBG.

``Ia ditumpukan kepada PIBG kerana di sutilah wujud kelompok ibu bapa yang mempunyai anak yang bersekolah," katanya kepada Utusan, di Genting Highlands baru-baru ini.

Setakat ini sudah empat seminar diadakan di daerah-daerah tertentu, di negeri Kedah, Perak, Kelantan dan Selangor.

Ia dibuat dengan kerjasama PIBG sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

Lebih 1,000 ibu bapa menyertai seminar tersebut setakat ini.



DR. WAN CHIK RAHMAH WAN DIN.

Dr. Wan Chik berkata, tumpuan kepada zon tertentu dibuat untuk melihat rekod kecemerlangan sekolah di satu-satu kawasan.

Umpamanya jika ingin melihat kecemerlangan sekolah zon A, sudah tentu ia melibatkan ibu bapa dari zon tersebut.

Seminar percuma itu, jelasnya, bukan berkonsep motivasi atau pendedahan psikologi kanak-kanak yang terlalu terperinci.

Tetapi katanya, ia merupakan panduan dan menjadi tempat ibu bapa bertukar pendapat serta berbincang untuk mengatasi masalah berkaitan pendidikan anak-anak.

Sukatan bagi seminar tersebut disediakan dengan garis panduan Kementerian Pendidikan sendiri.

Ia menekankan kepada peranan ibu bapa sebagai teman istimewa pelajar cemerlang, interaksi ahli keluarga dan cara belajar pelajar cemerlang.

``Semuanya berkaitan dengan peranan ibu bapa dan pelajar.

``Ini antara aspek kecemerlangan pendidikan yang kurang dititikberatkan oleh ibu bapa," katanya.

Antaranya bagaimana untuk membantu ibu bapa menguruskan masa anak-anak di rumah atau membantu anak-anak belajar di rumah.

Ini kerana jelasnya, ada ibu bapa menganggap mereka tidak boleh membantu dalam aspek tersebut kerana mereka sendiri `tidak pandai'.

``Tapi sebenarnya dengan berada bersama anak, itu boleh membantu.

``Tak payah ajar dia buat Matematik umpamanya. Kalau ibu bapa ada sama, itu boleh bagi semangat kepada dia," jelasnya.

Elemen utama seminar tersebut ialah penggunaan fasilitator dari kalangan guru yang juga bekas pemegang Diploma Pengurusan Pendidikan IAB sendiri.

Ini berikutan kekangan yang dihadapi IAB untuk menyediakan segala keperluan bagi seminar tersebut.

``Kerana itu kita gunakan mereka semula untuk tujuan tersebut," jelasnya.

Menariknya seminar tersebut katanya, kerana ibu bapa begitu bersikap terbuka dan tidak segan silu meluahkan masalah yang dihadapi dengan anak masing-masing.

``Mereka mengadu sudah buat segalanya tetapi anak masih tak mahu belajar.

``Ini menunjukkan mereka ada kesedaran untuk bantu anak-anak," jelasnya.

Pada masa depan, beliau mensasarkan untuk meluaskan seminar tersebut ke seluruh negara.

Mengekalkan konsep yang sama, katanya, mereka tidak bercadang mengadakan seminar peringkat negeri kerana mahu mendapatkan kandungan tempatan yang tertumpu di daerah atau zon.

Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=1203&pub=utusan_malaysia&sec=Pendidikan&pg=pe_01.htm#ixzz2vdITJEjE

© Utusan Melayu (M) Bhd